

UJIAN PENTAKSIRAN SETARA STANDARD

BAHASA MELAYU TAHUN 5 2021

SEKOLAH KEBANGSAAN TABUAN HILIR , KUCHING

NAMA :

KELAS :

Bahagian A

Arahan :

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B dan C.
Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

Soalan 1 – 16

Bulatkan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Isteri Encik Manaf memilih sehelai _____ untuk Amir.
- A seluar
 - B selendang
 - C songkok
 - D selipar

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.




2 _____ itu bertelur di Pantai Rantau Abang.

- A Ikan
- B Katak
- C Penyu
- D Kura-kura

3 Chong Meng nyaris terkorban dalam kemalangan. Mujurlah _____ berjaya menyelamatkan diri.

- A dia
- B awak
- C beliau
- D kalian

Soalan 4 berdasarkan gambar di bawah.



4 Encik Zikri membina se_____ rumah untuk ayahnya.

- A biji
- B buah
- C bidang
- D Kuntum

Soalan 5 berdasarkan gambar di bawah



5 Penyanyi yang _____ itu mempunyai ramai peminat.

- A kacak
- B segar
- C cantik
- D jelita

6 _____kah caranya padi di tuai?

- A Siapa
- B Mengapa
- C Bagaimana
- D Bila

Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.



7 Adakah kamu _____ Haziq yang mengoyak buku ini?

- A dan
- B atau
- C supaya
- D kerana

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8 Aman, sila _____ semasa meletakkan cermin mata,

- A hati-hati
- B meja-meja
- C paru-paru
- D buku-buku

Soalan 9

Pilih ayat yang mengandungi Frasa Nama + Frasa Nama

- 9 A Ayah Iman peguam bela.
 B Anak Puan Goh sungguh bijak.
 C Tok Aman ke kebun sayurnya.
 D Rumah Ali berwarna putih.

Soalan 10.

Pilih ayat majmuk yang betul.

- 10 A Izati membasuh beg atau kasut sekolah.
 B Zahara membasuh tuala sambil mengelap tingkap.
 C Hafiz menangis kerana terjatuh.
 D Mei Mei belajar bersungguh-sungguh tetapi pandai.

Soalan 11 berdasarkan gambar di bawah.

Pilih perkataan seerti bagi perkataan yang **bergaris**.




11 Cucu-cucu datuk saya sungguh gembira dalam majlis itu.

- A riuh
- B riang
- C ketawa
- D Sorak

Soalan 12

Pilih **perkataan berlawanan** bagi perkataan yang **bergaris**.



12 "Api itu semakin marak." kata Helmi.

- A ganas
- B malap
- C panas
- D letup

13 Mira disayangi sepenuhnya kerana dia _____ ibu bapanya.

- A anak emas
- B anak buah
- C cahaya mata
- D anak angkat

Soalan 14 berdasarkan gambar di bawah.



- 14 A mandi peluh
 B cekal hati
 C ringan tulang
 D hati batu

Soalan 15 dan 16.

Pilih ayat yang betul.

- 15 A Bakri dipuji hingga dia segak.
 B Rumah sewa Latif dekat dengan masjid.
 C Adli memandu tetapi makan keropok.
 D Sungai Sarawak sangat nipis dan lebar.
- 16 A Bapa Kim Leng bekerja sebagai guru besar.
 B Wah, cantiknya Motosikal kamu!
 C Adam, Rahimi dan Rajan berbasikal ke Pasar.
 D Emak membeli goreng pisang di gerai Mak Limah.

Soalan 17 hingga 20.

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Hati-hati sewaktu berjalan,
Jangan sampai terpijak duri;
Hati-hati memilih kawan,
Agar tidak merosak diri.

Petang hari pergi ke pekan,
Hendak membeli barang keperluan;
Hormati kawan dan juga rakan,
Agar perselisihan dapat dielakkan.

Berlari-lari mengejar rerama,
Rerama berterbangan cantik warnanya;
Jika bertolak ansur dan bekerjasama,
Pasti persahabatan erat selamanya.

- 17 Apakah yang perlu kita lakukan untuk mengelakkan perselisihan faham?
- A Kita hendaklah sentiasa menghormati kawan.
 - B Kita hendaklah sentiasa menyakiti kawan.
 - C Kita hendaklah sentiasa pergi ke pekan.
 - D Kita hendaklah sentiasa menipu kawan-kawan.

- 18 Mengapakah kita mesti berhati-hati ketika berjalan?
- A Supaya tidak terjatuh.
 - B Supaya tidak terpijak duri.
 - C Supaya tidak akan merosakkan diri.
 - D Supaya tidak tergelincir.
- 19 Apakah nilai murni yang terdapat dalam pantun diatas?
- A Berani dan berdisiplin.
 - B Prihatin dan juga bertolak ansur.
 - C Bekerjasama dan bertolak ansur.
 - D Amanah dalam menjalankan tugas.
- 20 Kita mestilah sentiasa bertolak ansur dalam persahabatan agar _____.
- A mudah bekerjasama.
 - B semua pekerjaan dapat diselesaikan dengan segera.
 - C persahabatan dapat dieratkan selamanya.
 - D kejayaan dapat dicapai.